

Orang Islam dilarang ke kasino mulai 8 Jun

RAUB. Selasa Perintah melarang orang-orang Islam memasuki kasino di Genting Highlands akan berkuatkuasa mulai 8 Jun.

Yang di-Pertuan Agong, yang juga Sultan Pahang dan Ketua Agama negeri ini, telah berkenan untuk mengisytiharkan bahawa orang-orang Islam warganegara Malaysia dilarang mengunjungi dan berjudi di Genting Highlands mulai tarikh itu.

Menteri Besar Pahang, Datuk Mohamad Najib Tun Abdul Razak, ketika mengumumkan demikian dalam satu sidang akhbar di sini hari ini, berkata Seri Paduka telah menandatangani perintah itu dan akan digazetkan tidak lama lagi.

Katanya, keputusan mengenai tarikh menguatkuasakan perintah larangan itu dibuat dalam satu majlis mengadap Seri Paduka di Istana Negara semalam yang dihadiri oleh beliau sendiri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Encik Jaafar bin Awang dan Penasihat Undang-Undang Negeri, Datuk Wan Mohamad bin Wan Muda.

Seri Paduka telah memperkenankan larangan itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang di Pekan pada 5 Mei lalu.

Datuk Najib berkata, larangan itu akan dikuatkuasakan dengan kerjasama merinyu agama Jabatan Agama Islam Negeri Pahang pihak Perbendaharaan dan pengurusan Genting

Highlands.

Tindakan memeriksa orang-orang memasuki kasino di Genting Highlands dan seterusnya pengawasan dalam kasino itu akan bermula pada hari itu dan akan dikuatkuasakan setiap masa selagi kasino itu masih dibuka. Di samping itu, papan-papan tanda melarang orang-orang Islam rakyat Malaysia memasuki dan melawat kawasan kasino akan dipasang.

Katanya, seorang merinyu agama dari setiap daerah akan dilatih untuk menjalankan tugas-tugas pengawasan mengikut giliran.

Mengikut Seksyen 169 Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982, Sultan Pahang selaku ketua agama boleh mengeluarkan arahan atau perintah bersabit dengan hal-ehwal agama Islam negeri Pahang.

Menurut seksyen itu, denda tidak lebih dari \$250 atau tiga bulan penjara atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan terhadap sesiapa yang melanggar arahan itu setelah didakwa di Mahkamah Syariah dan disabitkan kesalahan.

Datuk Najib menjelaskan kelambatan menetapkan tarikh menguatkuasaan itu adalah kerana persediaan menguatkuasaan meliputi pegawai, tugas, penginapan, perbelanjaan dan menyediakan papan tanda.

Katanya, masa perintah larangan itu dikuatkuasakan adalah sesuai dengan bulan Ramadan tidak lama dari tarikh itu. — Bernama.